

Kepada : Pelajar-pelajar Asrama Taman Kesidang

Daripada : Pengarah Kolej Profesional MARA Bandar Melaka, Melaka

Salinan Kepada :

Ruj Kami	Tarikh	Ruj. Tuan	Tarikh
KPMBM 700/7/1(6)	15 April 2024 06 Syawal 1445H		

## MEMO PERATURAN ASRAMA TAMAN KESIDANG SESI 1 2024/2025

Dengan hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

- Untuk makluman semua pelajar, pengajian Sesi 1 2024/2025 telah bermula pada pada 01 April 2024. Sehubungan dengan itu, semua pelajar yang menginap di Asrama Taman Kesidang dikehendaki mematuhi semua peraturan asrama yang telah ditetapkan.
- Bersama-sama ini dilampirkan garis panduan peraturan Asrama Taman Kesidang beserta senarai denda/tindakan bagi kesalahan di asrama.
- Peraturan Asrama Taman Kesidang adalah dirujuk berdasarkan Buku Peraturan Tatatertib Siswa Kolej Profesional MARA dan Kolej MARA yang diterbitkan oleh Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT) MARA 2023.
- Segala perhatian dan kerjasama amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"LUAR BANDAR SEJAHTERA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**ZARINA BINTI AHMAD**  
Pengarah  
Kolej Profesional MARA  
Bandar Melaka

Keusahawanan  
& Pendidikan Global



**"Amanah rakyat"**

# PERATURAN ASRAMA TAMAN KESIDANG KOLEJ PROFESIONAL MARA BANDAR MELAKA

## A. BARANG-BARANG YANG DILARANG BAWA MASUK KE KEDIAMAN TAMAN KESIDANG

- i. Cerek/Alat Pemanas Air Elektrik
- ii. Periuk Nasi/Periuk Serbaguna Elektrik
- iii. Dapur Memasak dan seumpamanya/Pembakar Roti/*Induction Cooker/Microwave*
- iv. Rokok, *Vape*, Dadah & Minuman Keras
- v. Penggunaan Polisterin, Mancis & Pemetik Api
- vi. TV, DVD, Permainan *Console* (Melebihi 15 Watt)
- vii. Seterika
- viii. *Air Cooler*

## B. BARANG-BARANG YANG PERLU MENDAPATKAN PELEKAT PERALATAN

BIL	PERALATAN	HARGA PELEKAT
1.	Komputer Riba/ <i>Laptop</i>	RM 10.00
2.	Mesin Pencetak/ <i>Printer</i>	RM 10.00
3.	Kipas Meja	RM 10.00
4.	Pengering rambut/ <i>Hairdryer</i>	RM 10.00
5.	<i>Komputer tablet/Tablet</i>	RM 10.00
6.	Pencetak/ <i>Printer</i>	RM 10.00
7.	Pengering rambut/ <i>Hairdryer</i>	RM 10.00
8.	Peralatan potong rambut/ <i>Electrical Hair Cut Equipment</i>	RM 10.00
9.	Lampu Meja / <i>Study Lamp with Plug</i>	RM 5.00
10.	<i>Extension Cord (Sirim Verified) 3 Socket</i>	RM 5.00

Catatan:

- i. Peralatan elektrik yang dibenarkan bawa masuk perlu didaftar dengan bayaran pelekak (sticker) sebanyak RM5.00-RM10.00 semester untuk setiap peralatan.
- ii. Barang-barang tanpa kebenaran/tanpa pelekak yang dirampas tidak akan dipulangkan dan pihak kolej tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kehilangan atau kerosakan.
- iii. Adalah tanggungjawab pelajar untuk menjaga keselamatan semua peralatan dan harta benda sendiri

### C. KENDERAAN PELAJAR: KEDIAMAN TAMAN KESIDANG

- i. Hanya pelajar semester 2 dan ke atas dibenarkan membawa kenderaan sendiri seperti kereta atau motosikal.
- ii. Hanya pelajar yang membawa motosikal wajib mendaftarkan dan membeli pelekat motosikal.
- iii. **Salinan kad pengenalan dan lesen memandu perlu disediakan untuk proses pendaftaran.**
- iv. Pelekat hendaklah dilekatkan di **bahagian hadapan motosikal.**
- v. Pelajar dikehendaki meletakkan motosikal di parkir yang disediakan sahaja dan pagar akan dikunci pada pukul 10.30 malam.
- vi. Kawasan bahu jalan di luar kediaman taman kesidang adalah di bawah bidang kuasa majlis bandaraya melaka bersejarah. Kenderaan yang diparkir di kawasan tersebut adalah atas tanggungjawab sendiri.

#### Catatan:

- i. Bayaran pelekat adalah RM10.00 untuk satu semester.
- ii. Pihak kolej akan menyita kenderaan pelajar yang tiada pelekat/diletak tempat yang tidak dibenarkan. Denda sebanyak RM30.00 akan dikenakan apabila ingin mendapat kenderaan kembali.
- iii. Pihak kolej tidak akan bertanggungjawab sekiranya kenderaan pelajar (motosikal atau kereta) hilang atau mengalami kerosakan.

### D. WAKTU KELUAR MASUK DAN PULANG BERMALAM: KEDIAMAN TAMAN KESIDANG

- i. Pelajar dikehendaki mengosongkan asrama sebelum jam 9.30 pagi dan dibenarkan masuk semula bermula jam 1.30 petang.
- ii. Pada hari Jumaat pelajar lelaki perlu mengosongkan asrama pada jam 9.30 pagi dan dibenarkan masuk bermula jam 2.15 petang manakala pelajar perempuan dibenarkan masuk bermula jam 12.30 tengah hari.
- iii. Pelajar dikehendaki masuk ke asrama sebelum jam 10.30 malam.
- iv. Pelajar dibenarkan pulang bermalam mulai pukul 12.30 tengahari pada hari Jumaat dan kembali ke kediaman Taman Kesidang sebelum pukul 10.30 malam pada hari Ahad.
- v. Pelajar tidak dibenarkan balik bermalam di hujung minggu sekiranya ada program kolej/kediaman Taman Kesidang dijalankan.

## E. KADAR GANTIRUGI KEROSAKAN/KEHILANGAN HARTA BENDA & PERALATAN YANG DIBEKALKAN (KEDIAMAN TAMAN KESIDANG)

Berikut adalah kadar nilai gantirugi kehilangan atau kerosakan vandalisme peralatan rumah yang perlu dibayar oleh penghuni rumah:

BIL	UNIT DIBEKALKAN	PERKARA	NILAI GANTIRUGI
1.	16	Katil & Tilam	RM50.00 – RM300.00
2.	16	Almari Pakaian	RM50.00 – RM900.00
3.	16	Meja Karel ( <i>Study Carrel</i> )	RM700.00
4.	16	Kerusi	RM15.00 – RM60.00
5.	1	Alatan Pembersihan Rumah (Mop/Baldi/Sawang/Penyapu/Penyodok Sampah/Bakul Sampah)	RM10.00/seunit
6.	1	Tombol Pintu	RM30.00
7.	1	Rak Selipar/Kasut	RM50.00
8.	2	Almari Kasut (Jika Dialihkan)	RM10.00
9.	3 Blok Rumah	Alat Pemadam Api	RM200.00
10.	10	Pintu Tandas	RM100.00
11.	4	Pintu Utama	RM600.00
12.	1	<i>Sliding Door</i>	RM400.00
13.	2	Seterika Rosak/Hitam	RM100.00
14.	2	Alas/Rak Menggosok Baju	RM50.00-RM300.00
15.	8	Langsir/Tirai Tandas	RM 20.00 - RM100.00
16	2	Cermin Muka	RM50.00

### CATATAN:

- i. Sila laporkan kepada Pejabat Pengurusan Kediaman Taman Kesidang dalam tempoh satu (1) minggu selepas anda mendaftar masuk sekiranya peralatan yang dibekalkan tidak lengkap atau rosak.
- ii. Jika didapati anda sengaja merosakkan peralatan yang dikenakan, bayaran ganti rugi akan dituntut oleh pihak asrama.

## F. PERATURAN TAMBAHAN

- i. Pelajar tidak dibenarkan berkeliaran di kawasan kediaman selepas pukul 12.00 tengah malam.
- ii. Kebersihan bilik termasuk cuci bilik air dan membuang sampah adalah tanggungjawab penghuni-penghuni bilik.
- iii. Pelajar dikehendaki melakukan gotong-royong pembersihan kediaman setiap dua minggu sekali dan dipantau oleh Sekretariat Residensi Kolej (SRK).
- iv. Pelajar dibenarkan bersukan pada waktu malam minggu (Jumaat & Sabtu) atau cuti umum dan tamat sebelum pukul 12.00 tengah malam.
- v. Penggunaan gimnasium adalah mengikut jadual yang ditetapkan dan dibenarkan sehingga jam 12.00 tengah malam sahaja.
- vi. Sebarang aduan kerosakan, ketua rumah boleh melaporkan ke laman <https://forms.gle/Niynyn1VzujbucZM9>
- vii. Sila buat jadual bertugas bilik untuk memastikan kebersihan bilik anda.
- viii. Sila laporkan kepada Ketua Felo sekiranya tiada kerjasama rakan sebilik/ rumah.

## F. SENARAI DENDA DAN TINDAKAN TATATERTIB BAGI DI KESALAHAN DI ASRAMA TAMAN KESIDANG

BIL	JENIS KESALAHAN	TINDAKAN/DENDA PERTAMA	TINDAKAN/DENDA KEDUA
1.	Menyimpan, memiliki, mengguna, mengedar/menjual dadah dan arak	Tatatertib	Tatatertib
2.	Berdua-duaan lelaki dan perempuan di tempat yang mencurigakan/berkelakuan tidak senonoh	Tatatertib	Tatatertib
3.	Bergaduh atau buli	Tatatertib	Tatatertib
4.	Merokok atau menghisap <i>vape</i>	Denda RM100.00, dirampas barangan serta dilupus	RM100.00, dirampas barangan serta dilupus
5.	Melakukan vandalisme seperti menyebabkan kerosakan atau pembaikan barangan/alatan MARA/Asrama	Gantirugi (Kos harga pasaran semasa)	Amaran, gantirugi dan demerit
6.	Bertukar bilik dan asrama tanpa kebenaran felo	Denda RM 50.00	Denda RM 50.00
7.	Membuang sampah bukan ditempat yang disediakan di asrama	Denda RM 50.00 bagi satu rumah	Denda RM 50.00 bagi satu rumah
8.	Mengotorkan bilik, kawasan asrama	Denda RM 50.00 bagi satu rumah/bilik	Denda RM 50.00 bagi satu rumah/bilik
9.	Memasak di bilik penginapan tanpa kebenaran	Denda RM 50.00 dan dirampas serta dilupus barangan	Denda RM50.00 dan dirampas serta dilupus barangan
10.	Memiliki peralatan elektrik & elektronik tanpa kebenaran/tanpa <i>sticker</i> rasmi	Alat dirampas dan denda RM 30.00 setiap satu alat serta dilupus	Alat dirampas dan denda RM 30.00 setiap satu alat serta dilupus
11.	Memaku dan menampal poster yang boleh mencatitkan dinding di dalam bilik	Denda RM 50.00	Denda RM 50.00
12.	Memasang lampu atau kipas ketika tiada dalam bilik	Denda RM30.00 satu rumah	Denda RM50.00 satu rumah

13.	Meletakkan basikal atau motosikal di dalam blok atau di dalam bilik tanpa kebenaran	Denda RM 50.00	Denda RM 50.00
14.	Meletakkan kereta atau motosikal di tempat yang tidak dibenarkan	Denda RM 50.00	Denda RM 100.00, Amaran, CSR dan demerit
15.	Mengalihkan /mengambil perabot yang disediakan di asrama tanpa kebenaran	Denda RM30.00	Denda RM50.00
16.	Memakai pakaian yang tidak sopan dan menjolok mata	Denda RM30.00	Denda RM30.00 dan demerit
17.	Memelihara binatang peliharaan	Denda RM 50.00	Denda RM 50.00
18.	Membakar atau mengasap colok/kemenyan atau apa-apa bauan yang mengganggu ketenteraman penghuni lain tanpa kebenaran	Denda RM30.00	Denda RM30.00
19.	Membuat bising dan mengganggu ketenteraman penghuni lain selepas jam 12.00 tengah malam ke 6.00 pagi	Denda RM50.00	RM100.00 dan demerit
20.	Jemur atau menyidai pakaian selain daripada tempat ampaian yang disediakan	Denda RM 10.00 setiap helai	Denda RM 10.00 setiap helai dan amaran
21.	Membenar atau membawa setinggian/orang luar bermalam di bilik	Denda RM 50.00 seorang termasuk penghuni	Denda RM 50.00 seorang termasuk penghuni
22.	Penyalahgunaan bilik atau ruang tanpa kebenaran	Denda RM30.00	Denda RM30.00 dan demerit
23.	Memiliki dan mengedar risalah haram	Denda RM 50.00	Denda RM 50.00
24.	Tidak mempamerkan pelekat kenderaan	Denda RM25.00 (motosikal)	Denda RM25.00 (motosikal)
25.	Menyalahgunakan alat pencegah kebakaran	Denda RM100.00	Denda RM100.00

26.	Meletakkan barang-barang perniagaan milik persendirian di sekitar asrama	Denda RM 50.00	Denda RM 50.00
27.	Bermain bunga api dan mercun di dalam kawasan asrama tanpa kebenaran	Denda RM 50.00	Denda RM 50.00
28.	Membawa kenderaan secara melulu dan membahayakan di dalam kawasan asrama	Denda RM100.00	Denda RM100.00
29.	Tidak membuat dan menghantar borang <i>clearance</i> asrama	Denda RM 50.00	Ditolak permohonan asrama
30.	Meninggalkan barang di dalam almari atau rumah setelah membuat <i>clearance</i>	Denda RM 50.00	Ditolak permohonan asrama
31.	Tidak membuang sampah ke dalam tong sampah luar rumah setiap pagi	Denda RM 50.00 satu rumah	Denda RM 100.00 satu rumah
32.	Tidak menyusun selipar ketika ke kuliah	Denda RM 50.00 satu rumah	Denda RM 100.00 satu rumah
33.	Berada di kawasan asrama pada waktu yang tidak dibenarkan iaitu pada waktu kuliah (kecuali mendapat MC)	Denda RM 50.00	Denda RM 100.00
34.	Membiarkan <i>powerbank/laptop/handphone</i> di cas tanpa penghuni	Denda RM 50.00	Denda RM 100.00
35.	Pulang ke asrama melebihi jam 10.30 malam/keluar tanpa kebenaran	Denda RM 50.00	Denda RM 100.00 dan demerit
36.	Mempamerkan barang berharga dengan sengaja	Denda RM 20.00	Denda RM 50.00
37.	Memberi maklumat/data palsu	Denda RM 20.00	Denda RM 50.00 dan demerit
38.	Tidak mematuhi prosedur keluar masuk asrama	Denda RM 50.00	Denda RM 100.00 dan demerit

**Catatan:**

- i. Pemantauan bilik akan bermula minggu ke 2 kuliah.
- ii. Pelajar diberikan tempoh 2 minggu untuk membuat bayaran bermula tarikh denda dikeluarkan.
- iii. Jumlah denda atau kompaun adalah tertakluk kepada Perenggan 23 atau 53 Buku Peraturan Tatatertib Siswa Kolej Profesional MARA dan Kolej MARA.
- iv. Pindaan kadar denda adalah tertakluk kepada peruntukan kos nilai semasa.
- v. Siswa/i perlu memastikan menerima resit rasmi MARA dan menyimpannya sebagai bukti pembayaran.
- vi. Semua hasil kutipan denda pelajar akan dimasukkan ke dalam akaun pungutan Aktiviti Siswa Kolej (ASK)